



## CADANGAN INTERVENSI BAHARU KPKM BERKAITAN ISU BERAS DALAM NEGARA

2 OKTOBER | KUALA LUMPUR

Kerajaan amat peka serta prihatin kepada keluh kesah rakyat ekoran kenaikan harga beras putih import (BPI) di pasaran ekoran kenaikan harga beras global.

Fenomena kenaikan harga beras ini bukan hanya berlaku di Malaysia malah turut melibatkan negara serantau.

Sebanyak 19 negara telah membataskan eksport ke negara luar untuk memberi keutamaan kepada rakyat sendiri.

Sebagai contoh negara India telah mengenakan sekitan eksport beras mulai Julai 2023 dan telah memberi kesan kepada kenaikan harga beras putih global.

Pelbagai langkah intervensi telah dilaksanakan oleh Kementerian bukan sahaja melibatkan elemen penguatkuasaan semata-mata.

Namun, pelbagai sesi libat urus telah dilaksanakan untuk mendapatkan input daripada semua pihak berkepentingan dalam industri padi dan beras.

Ini bagi meredakan kebimbangan rakyat berhubung kenaikan harga BPI dan peningkatan permintaan terhadap beras putih tempatan (BPT) di pasaran.

Pengedaran BPT melalui Program Khas Beras Putih Tempatan yang saya lancarkan pada 20 September 2023 telah menampakkan hasil dengan jumlah agihan sebanyak lebih 600,000 kampit BPT 10 kg di seluruh Semenanjung.

Pada hari ini, seusai pertemuan saya bersama YAB Perdana Menteri pada pagi ini, YAB Perdana Menteri telah bersetuju untuk melaksanakan 4 langkah intervensi drastik seperti berikut:



1) Pemerkasaan edaran BPT melalui FAMA akan diperluaskan dengan meningkatkan pengedaran di kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

2) Dalam konteks Sabah dan Sarawak, Kerajaan memutuskan agar harga BPI diserap oleh Kerajaan mulai 5 Oktober 2023 bagi membolehkan BPI diperolehi dengan harga runcit RM31 bagi setiap 10kg.

3) Terma kontrak perolehan pembekalan beras di bawah agensi Kerajaan sebelum ini termaktub menggunakan BPT.

Sehubungan itu, Kerajaan memutuskan supaya perolehan baharu beras di bawah kontrak Kerajaan menggunakan BPI.

Semua pembekal akan menggunakan BPI dengan mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 (harga pintu gudang) dalam kampit 50kg tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

Ini bagi memberi keutamaan pembekalan BPT kepada rakyat.

4) Melancarkan Task Force Khas Bersepada Penguatkuasaan Operasi Beras Putih (OP BPT) yang melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

OP BPT ini akan memberi fokus kepada pemeriksaan dan penguatkuasaan di kesemua peringkat rantai pembekalan BPT.

## MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA

12 OKTOBER | KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 2 Tahun 2023 yang bersidang pada hari ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi berperanan untuk merangka cadangan hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih holistik serta mencadangkan strategi dan pelan tindakan Kerajaan untuk menangani isu sekuriti makanan negara.

Melalui platform ini, idea serta saranan yang diketengahkan dalam mesyuarat ini akan diperhalusi dan ditambahbaik sebelum diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dijangka bersidang dalam masa terdekat.

Selaras dengan hasrat membangun Malaysia MADANI adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan tahap keterjaminan makanan negara stabil dan mampan seiring dengan konsep Food Security is a Shared Responsibility.

Justeru, jawatankuasa ini mencerminkan komitmen padu Kerajaan dalam memperkuuh sekuriti makanan negara ke arah peningkatan produktiviti, penjanaan pendapatan, potensi teknologi pertanian sekaligus meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.



## LAWATAN DELEGASI ASEAN KE TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM SEMPENA MESYUARAT AMAF 2023

5 OKTOBER | TBNSA, SHAH ALAM

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri KPKM bersama-sama delegasi negara-negara ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) ke-45 mengadakan lawatan ke Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) hari ini.

Lawatan ini turut disertai oleh delegasi Jepun dan Republik Korea sebagai ahli ASEAN Campur 3 serta Timor-Leste sebagai negara pemerhati ASEAN.

Para delegasi telah dibawa ke TBNSA untuk sesi lawatan di lapangan. TBNSA pada asalnya dikenali sebagai Taman Pertanian Malaysia telah mula dibangunkan semenjak tahun 1986.

Taman ini terletak di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cherakah dan telah diwartakan bagi tujuan persekituan dan kini kira-kira 200 hektar telah dibangunkan bagi tujuan konservasi, penyelidikan, pendidikan, eksplorasi dan agropelancongan dikendalikan pihak TBNSA, di bawah KPKM.

Ketibaan para tetamu ASEAN dan delegasi telah disambut oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Pengurusan Tertinggi KPKM.

Rombongan ini kemudiannya telah dibawa untuk menyaksikan demonstrasi di Laman Padi bagi penggunaan traktor pembajak, transplanter dan dron oleh pihak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Seterusnya, para delegasi turut melepaskan 10,000 ekor anak ikan lampam sungai dan ikan terbul di Kolam Nusantara yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

Program kemudiannya disusuli dengan aktiviti penanaman 14 Pokok Tongkat Ali mewakili setiap negara delegasi dalam Program Penanaman Pokok Herba di Taman Malaysia yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Pertanian Malaysia (DOA).



# KETERJAMINAN MAKANAN UNTUK MASA DEPAN FOKUS UTAMA SAMBUTAN HARI PELADANG PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN TAHUN 2023

19 OKTOBER | KUALA LUMPUR.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Haji Mohamad Sabu hari ini merasmikan Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) Tahun 2023 yang akan disambut pada 10 hingga 12 November di Ipoh, Perak.

HPPNK merupakan *signature event* KPKM, di mana pada setiap tahun sambutan HPPNK diadakan sebagai tanda Kerajaan menghargai sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang menjadi penyumbang utama keterjaminan makanan negara.

Sambutan Hari Peladang yang pertama telah diadakan pada 6 Ogos 1975 di Pekarangan Bangunan Parlimen dan dirasmikan oleh Allahyarham Tun Hj. Abdul Razak Hussin, Mantan Perdana Menteri Malaysia ke-2.

HPPNK merupakan salah satu platform kepada peladang, penternak dan nelayan untuk bersua muka, mengembangkan jaringan komunikasi antara satu sama lain serta membuka potensi strategik kepada prospek perniagaan sepanjang tiga hari ianya berlangsung. Kali terakhir HPPNK ini diadakan adalah pada tahun 2019.

Sesuai dengan tema Keterjaminan Makanan Untuk Masa Depan dan usaha memperkasa masyarakat peladang, penternak dan nelayan, fokus penyampaian sambutan kali ini akan mengupas aplikasi teknologi, inovasi dan modenisasi sektor pertanian yang diterjemah melalui Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0).

Di samping itu pengunjung juga akan dapat menikmati sendiri pengalaman pertanian secara praktikal seperti simulasi combine harvester simulation yang memberi ruang dan peluang untuk merasai suasana sebenar mengendalikan jentuai padi semasa proses penuaan di lapangan, melihat dengan lebih dekat baka ternakan seperti lembu hibrid terbaik, baka kambing dan ayam saga.

Di antara teknologi yang akan dipamerkan adalah teknologi dron, prototype teknologi kejuruteraan pertanian untuk sistem pertanian pintar serta model sistem pengairan dan saliran pertanian, Sistem Recirculating Aquaculture System (RAS), asuhan ikan marin (Ikan Kerapu dan Siakap) dan ternakan Hygienik Moina disamping inovasi teknologi ikan Tilapia, inovasi kawalan kesihatan ikan Break and Protect 2 dan pelbagai lagi.

Selain itu, HPPNK pada kali ini turut memberi penekanan terhadap pengurusan sisa menerusi penghasilan by-product seperti kertas dan benang daripada serat nanas, demo pengurusan sisa dapur bagi penghasilan kompos daripada sisa tanaman serta impak perubahan iklim terhadap sektor pertanian, klinik keusahawanan, teknologi pertanian dan industri asas makanan serta pemasaran digital yang akan disampaikan oleh para panel berpengalaman.

HPPNK 2023 yang berkoncepcian mood baharu sebagai daya tarikan khusus untuk golongan orang muda dengan empat fokus utama iaitu Agro Millenia yang menawarkan empat segmen utama khas untuk orang muda seperti Lepacking Orang Muda, Klinik Orang Muda, Sukan dan Ruang Orang Muda.

Fokus Teknologi dan Inovasi pula menawarkan showcase kecanggihan agroteknologi dan inovasi pertanian, penternak, perikanan, IOT dan kelestarian pertanian.

Turut menampilkan showcase berkaitan dengan Climate Change and Food Wastage. Segmen Anugerah dan Penghargaan turut diadakan bagi meraikan dan mengiktiraf peladang, penternak dan nelayan.

Menawarkan segmen Rakan Strategik bagi menonjolkan inisiatif dan elemen dalam menyokong usaha pemerkasaan sektor pertanian dan agromakanan negara.



## PENYELARASAN HARGA KAWALAN MAKSIMUM BAHARU

20 OKTOBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Selaras dengan pembentangan Belanjawan 2024 oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023, Kerajaan telah memutuskan untuk meningkatkan harga lantai belian padi daripada RM1,200 per tan metrik kepada RM1,300 per tan metrik.

Peningkatan ini dijangka akan memberi impak kepada harga padi terutamanya padi benih, iaitu padi yang ditanam untuk dijadikan sebagai benih.

Oleh itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menjangkakan kenaikan harga padi benih ini akan menyebabkan kos pengeluaran benih padi termasuk bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) akan turut meningkat dan tidak dapat dijalur dengan harga kawalan maksimum sedia ada iaitu RM35 per kampit 20 kilogram.

KPKM cakna dengan rungutan para pesawahan di lapangan iaitu berkaitan kesukaran mendapatkan benih padi sah (BPS) di pasaran selain peningkatan harga BPS per kampit 20 kilogram sehingga mencecah RM50.

Penyelarasannya ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada Kerajaan dan tidak merubah struktur pengeluaran, pembekalan dan pengedaran BPS sedia ada melibatkan 12 syarikat pengeluar BPS, 13 syarikat pemborong, dan 456 peruncit di seluruh negara.

## TASK FORCE OPERASI BERSEPADU BERAS PUTIH TEMPATAN

4 OKTOBER | KUALA LUMPUR

Mesyuarat Penyelaras Task Force Khas Operasi Bersepadu BPT telah diadakan pada 3 Oktober 2023 dan dipengerusikan oleh YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri KPKM.

Mesyuarat ini melibatkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Bahagian Penguatuusa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) bagi memperincikan terma dan syarat serta standard operating procedure (SOP) terhadap pemeriksaan dan penguatuusaan di semua peringkat rantaian pembekalan BPT.

Task force ini turut melibatkan Jabatan Kimia dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebagai badan teknikal yang akan melakukan analisis kimia bagi menguji sampel beras yang diambil dan dijadikan salah satu elemen pembuktian dalam proses pendakwaan.

Dalam sesi mesyuarat ini, beberapa perkara telah dipersetujui antaranya mewujudkan Pusat Gerakan Bersepadu di Kementerian dan menurunkan kuasa kepada agensi penguatuusaan di bawah Seksyen 6, Akta Kawalselia Padi dan Beras 1994 [Akta 522] bagi menjalankan pemeriksaan di peringkat pengilang dan pemborong padi dan beras di seluruh negara.

## SITAAN 180 MT KILANG DISYAKI SOROK BPT

10 OKTOBER | ALOR SETAR, KEDAH

OP BPT telah berjaya membongkar dengan menyita sebuah kilang disyaki menyorok beras putih tempatan dalam gudang simpanan yang tidak dinyatakan dalam lesen.

Sitaan yang dilakukan semalam, hasil pemeriksaan lanjut oleh pasukan Task Force khas OP BPT telah mendapat bahawa beras bergred Super Spesial Tempatan 5% (SST5) atau beras putih tempatan (BPT) di dalam kampit jumbo berjumlah 180 tan metrik disorok di gudang yang tidak dinyatakan dalam lesen.

Mengesyaki kilang tersebut telah melakukan kesalahan menyimpan stok beras tanpa lesen, pasukan Task Force Khas bertindak menyita BPT yang berada di dalam gudang tersebut dengan hasil sitaan dianggarkan bernilai RM405,000.

Kes ini akan disiasat di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Kilang-Kilang Padi) 1996 P.U (A) 626.

Sekiranya didapati bersalah, kilang padi tersebut boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM25,000 bagi kesalahan pertama dan Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras melalui notis secara bertulis boleh membatalkan atau menggantung lesen.

# MAJLIS PERASMIAN AMAF 2023

4 OKTOBER | KUALA LUMPUR

YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan hadir mewakili YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, bagi majlis perasmian mesyuarat AMAF kali ke-45.

Beliau membacakan teks ucapan YB Menteri yang menzhirikan komitmen negara-negara ASEAN dalam mengukuh kerjasama demi kepentingan sektor pertanian dan ekonomi negara-negara ASEAN yang kini sedang berhadapan pelbagai isu seperti perubahan iklim, amalan pertanian yang tidak baik, pembaziran makanan dan pelbagai lagi yang turut memerlukan perhatian dan kerjasama yang baik.

Ujarnya Malaysia selaku tuan rumah percaya bahawa pengurusan sumber yang jitu merupakan agenda penting melalui kerjasama ASEAN untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan dalam masa yang sama menjaga kestabilan sumber untuk masa hadapan.



## JABATAN PERIKANAN CIPTA REKOD BAHARU

13 OKTOBER | PUTRAJAYA

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mencipta rekod baharu dengan pelepasan sebanyak 1.1 juta benih ikan asli serentak seluruh Malaysia yang diadakan di 14 lokasi terpilih.

DOF menerima sijil dari Malaysia Book Of Records (MBOR) bagi "Largest Simultaneous Fish Fry Restocking Event".

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali di Tasik Putrajaya.

Program pelepasan benih ikan ke perairan umum dijalankan sebagai salah satu usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui DOF untuk menguruskan sumber perikanan darat di Malaysia.

Pelepasan benih ini juga dapat menambah stok perikanan seterusnya meningkatkan populasi dan memulihara kepelbagaiannya biodiversiti.

Program yang diadakan ini adalah kerjasama antara Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Perbadanan Putrajaya, Jabatan Perikanan Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Perikanan Laut Sarawak.



# MAJLIS PERASMIAN PROGRAM AGRO MADANI PERINGKAT NEGERI SABAH

21 OKTOBER | KOTA KINABALU, SABAH

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM), buat julung kalinya mengajurkan Program Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Sabah, dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Chan Foong Hin, di Kompleks Sukan Likas, hari ini.

Program selama dua hari ini melibatkan sebanyak 29 pempamer terdiri daripada Jabatan dan Agensi dibawah KPBM, Persekutuan dan Negeri, termasuk syarikat swasta dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Turut diadakan lebih 80 gerai jualan produk pertanian yang melibatkan usahawan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Gerai jualan Produk Industri Kecil sederhana (IKS) seperti Amplang, sambal, kerepek, produk sejuk beku turut menyediakan jualan murah Happy Hour dengan tawaran diskau yang menarik serta jualan produk makanan dan minuman, buah-buahan, sayur-sayuran dan food truck.

Program berimpak tinggi seperti ini memerlukan kerjasama strategik serta jalinan sinergi bagi memastikan aktiviti pemasaran pelbagai produk agromakanan tempatan dapat diperluaskan merentas Kementerian sama ada diperingkat Persekutuan, mahupun Negeri.

Majlis ini turut menyaksikan pelbagai acara penyampaian geran dan penyerahan bantuan serta Memorandum of Understanding (MOU) yang memberi manfaat kepada 7,428 orang komuniti peladang, nelayan dan usahawan di negeri Sabah dengan nilai keseluruhan RM4 juta.



## MAJLIS PELANCARAN TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN PERINGKAT KPBM

25 OKTOBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) telah melancarkan Tabung Kemanusiaan Palestin Bagi Perkhidmatan Awam Peringkat KPBM di Wisma Tani, Putrajaya hari ini.

Ianya selaras dengan amanat YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara agar setiap Kementerian mengerakkan kutipan sumbangan sebagai tanda solidariti terhadap perjuangan rakyat Palestin.

KPBM bersama-sama seluruh rakyat Malaysia sentiasa menyokong perjuangan Palestin dan mendorong agar kekejaman serta penindasan yang berlaku terhadap rakyat Palestin dihentikan segera.



Antaranya adalah penyerahan jentera kepada LPP (Sabah) berjumlah RM1.87 juta, penyampaian Program Bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berjumlah RM15.79 juta.

Penyampaian program Pemerkasaan Usahawan Peladang (Rise-Up) kepada 27 orang peserta berjumlah RM1.45 juta dan penyerahan Lori Cold Truck LPP kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahad Datu berjumlah RM200,000.

Turut diadakan penyampaian Agroprentis usahawan LPP kepada 10 orang peserta berjumlah RM200,000.00, penyerahan Geran Agro Pelancongan kepada seorang usahawan LPP berjumlah RM150,000, penyampaian Geran Agropreneur Muda kepada 4 orang usahawan LPP sejumlah RM80,000 dan 8 orang usahawan FAMA berjumlah RM160,000.

Penyerahan Program Rezeki Tani kepada 3 orang usahawan LPP dengan jumlah RM30,000 dan 5 orang usahawan FAMA berjumlah RM50,000.

Penyampaian Geran Signature Produk kepada seorang usahawan FAMA berjumlah RM30,000 dan pemberian Kelengkapan Input Pertanian kepada Unit Hortikultur Hospital Mesra Bukit Padang oleh MARDI berjumlah RM3,000 serta perjanjian persefahaman (MOU) bagi Projek Tanaman Jagung Bijian di antara pihak LPP dan Koperasi Pembangunan Desa Sabah (KPD).



# PENAMATAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI AYAM OLEH YB KPKM

30 OKTOBER | MENARA LPP, KUALA LUMPUR

Selaras dengan pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa, Kerajaan telah bersetuju agar subsidi dan kawalan harga bagi ayam sahaja yang akan ditamatkan sepenuhnya bermula pada 1 November 2023.

Subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A,B dan C akan diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

Sejak Februari 2022, Kerajaan menanggung RM3.8 bilion untuk subsidi telur dan ayam. Rasional penamatan subsidi secara pukal bagi ayam adalah untuk mengurangkan ketirisan subsidi di mana pada ketika ini yang turut dinikmati oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

Penamatan harga kawalan ayam juga menyokong kemampuan industri pengeluaran ayam tempatan.

Di samping itu, melalui kaedah ini Kerajaan akan turut dapat meningkatkan pelbagai inisiatif sosio-ekonomi dan kebajikan rakyat termasuk bantuan tunai.

Penamatan subsidi ayam ini telah mengambil kira situasi dan trend semasa bekalan serta harga ladang dan kos pengeluaran ayam telah mula stabil, yang menyumbang kepada harga pasaran semasa kini berada di bawah harga siling.

Dalam hal ini, Kerajaan akan memastikan harga jualan bagi ayam yang akan diapungkan terus berada pada kadar yang munasabah.

Kerajaan meluaskan akses kepada bekalan ayam melalui Jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah secara berterusan di seluruh negara bagi memberikan pilihan dan jaminan kepada rakyat untuk mendapatkan bekalan ayam pada harga yang berpatutan dan di bawah harga siling semasa.



Di samping itu, melalui sesi libat urus bersama pemain industri pada 22 Oktober 2023, Kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada pihak industri supaya harga ayam di ladang yang dikeluarkan tidak mencatatkan kenaikan yang ketara sehingga membebankan pengguna.

Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencututan 2011 (AKHAP 2011) bagi memastikan tiada aktiviti pengambilan untung secara berlebihan dan manipulasi harga oleh peniaga yang tidak bertanggung jawab di peringkat runcit.

Kerajaan juga bersedia untuk mendapatkan bekalan tambahan daripada sumber luar, jika terdapat kekurangan daripada segi bekalan yang menyebabkan kenaikan harga secara mendadak.

Selain itu, Kerajaan akan terus bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan status bekalan dan harga ayam di ladang berada dalam keadaan stabil dan tidak membebankan rakyat, serta tidak berlaku sebarang aktiviti pencututan di sepanjang rantai bekalan.

Kerajaan akan terus memberi penumpuan untuk memperkasa industri penternakan ayam melalui bantuan insentif daripada segi pembiayaan dana pusingan kepada penternak bersaiz kecil & sederhana dan skim mikro kredit sebagai bantuan modal pusingan kepada penternak komuniti serta program transformasi reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup.

Langkah ini akan memberi peningkatan daripada segi akses bekalan secara terus daripada penternak komuniti kepada pemborong di pasaran.

## KARNIVAL INTEGRITI KPKM TAHUN 2023

13 OKTOBER | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Bertemakan "Integriti: Buat Betul-Betul", Karnival Integriti Tahun 2023 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) anjuran Unit Integriti KPKM telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Serbaguna di sini pada hari Khamis, 12 Oktober 2023.

Karnival berkenaan dilaksanakan melalui kerjasama strategik Unit Integriti KPKM bersama semua 12 Unit Integriti daripada jabatan dan agensi di bawah Kementerian ini. Program ini turut disokong oleh Bahagian-bahagian dan Kelab Tani, Puspanita serta Surau Al-Kauthar.

Perasmian penutupan Karnival ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) yang mewakili YB Datuk Foong Hin, Timbalan Menteri dengan membacakan ucapan beliau.

Dalam ucapan berkenaan, tiga (3) teras utama dalam membudayakan integriti dalam perkhidmatan di Kementerian ini telah disentuh oleh YB Datuk Chan Foong Hin iaitu (i) komitmen pengurusan tertinggi dalam membudayakan kepimpinan melalui teladan, (ii) kod etika dan nilai yang jelas mengikut tatakelola yang betul dan (iii) tindakan dan keputusan yang konsisten dan telus mengikut standard integriti tinggi pada semua peringkat.



### SIDANG REDAKSI:

**PENAUNG:**  
**DATUK LOKMAN HAKIM ALI**  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

**KETUA EDITOR:**  
**MOHAMMAD  
EZRI BIN  
SHAMSUDDIN**

**EDITOR:**  
**MAHAZIR BIN  
YUSUFF**  
**NURIL  
MUTMAINNAH  
BINTI ROSLAN**

**PENULIS:**  
**MUHAMMAD  
KHAIRUL  
ANWAR BIN  
MOHD ZAMBRI**

**GRAFIK:**  
**NABILAH  
BINTI  
ZAMRI**

**JURU FOTO:**  
**MOHAMAD YASIN  
BIN JAMAL**  
**MOHD NAJIB BIN  
ABDUL JABAR**

**IDEA, KONSEP &  
TERBITAN:**  
**UNIT KOMUNIKASI  
KORPORAT, KPKM**